



ISLAM DENGAN DIKTATOR DAN DEMOKRASI

Di dalam majlis syarahan yang dianjurkan oleh Ikhwān pada Jun 1956 satu pertanyaan yang bertajuk “Bagaimana perbezaan antara Islam dengan faham diktator dan demokrasi” telah dihadapkan kepada *Sāhibu al-Faḍīlah Profesor Abdul Qahar Mudhakkar* Rektor Universiti Islam Indonesia yang bersyarah pada malam itu. Kerana besar faedahnya maka jawapan beliau kami peturunkan di sini untuk pengetahuan pembaca khususnya anggota-anggota Ikhwān yang telah mengadakan majlis ceramah itu dan kami jadikannya sebagai jawapan juga di dalam ruangan Abu al-Mokhtār ini.

Jawapan beliau lebih kurang begini: Kita sebagai kaum Muslimin hendaknya janganlah banyak terpengaruh oleh kata-kata demokrasi dan diktator. Agama Islam kita ada mempunyai dasar-dasar yang nyata bersendiri yang dinamakan permesyuaratan. Ini terkandung di dalam beberapa ayat: *wa alladhīna istajābū li rabbihim wa aqāmū al-ṣalāti wa atū al-zakāta wa amruhum syūrā baynahum.*

Maksudnya: “Orang-orang yang tunduk menjunjung perintah Tuhan mereka dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat dan segala urusan mereka dipermesyuaratkan sesama sendiri”.

Pada lain-lain ayat lagi lebih jelas diperintahkan kita kaum Muslimin melalui Nabi kita Muhammad *sallā Allahu ‘alaihi wa sallam* dengan firman Tuhan : *wa shāwirhum fi al-Amri fa idhā ‘azamta fa tawakkal ‘alā Allāh.*

Maksudnya: “Dan bermesyuaratlah engkau dengan mereka

pada segala urusan, maka ambil engkau berazam, hendaklah engkau berserah kepada Allah”.

Hadis dan *Aqwal ‘ulama’* tidak kurang yang menguatkan kedua ayat al-Quran ini. Di dalam ayat pertama disebutkan orang-orang yang beriman, orang-orang yang mengikuti dan tunduk kepada perintah Allah, melakukan ibadah iaitu solat dan zakat. Kedua ayat ini hampir tidak pernah terpisah antara solat dan zakat. Orang-orang mukmin orang-orang Muslim sembahyang dan berzakat. Apabila orang-orang Muslim tidak melakukan zakat pernah dilakukan kepada mereka tindakan yang keras seperti yang dijalankan pada zaman khalifah Abu Bakar al-Siddiq ke atas orang-orang ditengah-tengah tanah Arab al-Yamamah dan Najad yang dipimpin oleh Musailamah al-Kaddāb peperangan yang dilakukan kepada mereka itu dinamakan *Harbu al-Murtadin* – memerangi yang keluar dari Islam.

Demikianlah solat dan zakat merupakan dua sejoli yang tidak pernah terpisah antara satu sama lain.

Wa amruhum syūrā baynahum: mengenai kehidupan kaum Muslimin yang mempunyai sifat orang-orang yang berdisiplin, taat dengan *ijābahu li rabbihim* (menjunjung perintah Tuhan) dan melakukan dua ibadah solat dan zakat itu dengan sentiasa melakukan untuk kehidupan mereka sebagai dasar mesyuarat.

Kemudian di lain ayat tadi “*wa shāwirhum fi al-Amr*” (mesyuaratlah dengan mereka itu hai Nabi Muhammad (SAW) di dalam segala perkara. *Fī al-Amr* yang merupakan

segala jenis perkara) sudah tentu ada kecualinya apabila hukum-hukumnya sudah ada dan ketentuannya daripada al-Quran dan al-Sunnah telah ada dan tidak lagi mustahak di mesyuaratkan. Yang semenjak dimesyuaratkan ialah hanya cara-cara untuk melaksanakan sahaja dan hukum-hukum lain yang mengenai hukum ibadah, perkahwinan, berjudi, minum khamar dan lain-lainnya itu sudah ada ketentuannya dan yang demikian itu boleh dimesyuaratkan tentang melaksanakannya sahaja – bagaimana membuat undang-undang untuk itu sahaja, tetapi hukum untuk itu mesti berjalan.

Bermesyuarat di luar perkara-perkara yang ditentukan itu adalah dijalankan dengan cara permesyuaratan – ertinya hendaklah diadakan rundingan, bacaan, pembicaraan, bertukar-tukar fikiran dengan penuh mempunyai rasa kekeluargaan dan mempunyai rasa persaudaraan – berpendirian menerima dan memberi. Ia bukan kerana satu suara lebih baik daripada lain, bukan 50% ditambah 1 atau 2, bukan 2/3, bukan ¾ daripada yang hadir itu. Tetapi daripada permesyuaratan yang tenang ikhlas dan seumpamanya, inilah dasar kita dalam permesyuaratan.


Kita menghadapi dunia yang mempunyai istilah: yang satu demokrasi yang satu lagi *dictatorship*, yang satu lagi mengutamakan demokrasi suara bermesyuarat juga. Tetapi juga memutuskan itu dia mengikut banyaknya suara dan dengan ini orang berlumba-lumba untuk mendapatkan suara yang banyak. Sememangnya beralasan juga di dalam demokrasi itu tetapi Islam bukannya itu sahaja – yang dicari ialah yang benar, yang bermanfaat, yang berfaedah dan untuk masyarakat semua. Misalnya mesyuarat di dalam Islam bukanlah secara 50% ditambah satu atau dua bukan pula secara *dictatorship* seorang atau 20 orang berkuasa memerintah dengan tidak menurut undang-undang, tidak berpelembagaan dengan tidak

pakai peraturan. Kedua-duanya ini dikehendaki di dalam Islam.

Islam mempunyai dasarnya sendiri dasarnya yang ketiga dari dasar demokrasi dan dasar diktator iaitu dasar permesyuaratan. Permesyuaratan antara kita dituntun oleh Rasulullah dalam perang Ahzab, perang Uhud, perang dari Madinah atau bertahan di dalam Madinah. Ini semua dilakukan oleh khalifah Abu Bakar ketika orang-orang tidak mau mengeluarkan zakat. Adakah ditujukan supaya dijalankan ibadah zakat atau tidak dan di dalam dua misalan ada kalanya pendapat Abu Bakar agak lain daripada pendapat hadirin. Dengan huraiyan yang baik daripada khalifah Abu Bakar maka yang lain dapat menerima dan dilakukanlah suatu langkah terhadap orang yang tidak mahu menuaikan zakat.

Apabila kita perhati di dalam kehidupan dan pengajaran Islam kita maka kita mempunyai dasar sendiri iaitu dasar permesyuaratan. Permesyuaratan banyak persamaan dengan demokrasi. Persamaan permesyuaratan itu masih ada taraf perundingan – maka merdekalah orang-orang bertukar-tukar fikiran. Tetapi apabila telah diputuskan maka *wa shāwirhum fi al-Amr* – apabila sudah mesyuarat di dalam perkara tadi maka terbitlah *tawakkal ‘alā Allah*, apabila telah diazamkan, apabila telah mempunyai kebulatan keputusan itu *tawakkal ‘alā Allah* – serahkanlah kepada pertolongan Allah – itulah permesyuaratan dalam Islam.

Apabila telah dimesyuaratkan dengan cukup dan akan menjadikan keputusan maka tidak boleh lagi ada *critism* dalam hal ini berlain dengan demokrasi. Di dalam demokrasi sesuatu yang mendapat keputusan yang telah mendapat keputusan esok lusa di dalam surat khabar timbulah kritik hingga mengadakan



Kolej Islam Malaya meraikan Profesor Abdul Qahar Mudhakar. Duduk di tengah-tengah ialah dia yang dihormati itu.

perubahan-perubahan dan menjatuhkan keputusan yang telah sah tadi. Sedangkan di dalam Islam jika telah menjadi keputusan hendaklah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Rakyat menerima keputusan daripada pimpinan mentaati *Ahl al-hal wa al-eaqd* itu adalah satu perkara yang termaktub di dalam al-Quran yang berfirman:

Yā ayyuhalladhīna amanū aṭī 'u Allāha wa aṭī 'u al-rasula wa uthlī al-amri minkum.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan kepada *uthlī al-Amr* daripada kamu”.

“*Minkum*” ini ialah dari kaum Muslimin bukanlah dari kaum lain. Carilah cara hidup dan cara falsafah dan kenegaraan menggunakan satu teori sendiri disamping dari demokrasi dan *dictatorship* iaitu dasar permesyuaratan. Hal ini patutlah kita jadikan ilmu dan kita kupas sebaik-baiknya. Tadi saya telah menerangkan sedikit dasar permesyuaratan dan dasar demokrasi

saya suka menyempurnakan bahawa permesyuaratan Islam tadi apabila telah bulat dan sampai cukup bermesyuarat dengan seterang-terangnya dan juga telah mengambil keputusan dan dilaksanakan maka ia tidak boleh dibantah lagi – semua orang mesti taat dan sebahagian *dictatorship* dijalankan dengan cara ini. Jadi Islam mengambil sebahagian dari demokrasi dan sebahagian dari *dictatorship*.

Demokrasi baharu saja tumbuh pada masa revolusi Perancis tetapi permesyuaratan telah timbul beberapa kurun. Dasar permesyuaratan adalah terkandung dari kebaikan-kebaikan yang ada di dalam demokrasi dan *dictatorship*. Kita tidak dapat mengatakan bahawa semua yang ada di dalam demokrasi dan *dictatorship* itu tidak baik tetapi Islam adalah berisi kebaikan daripada kedua-duanya itu. Sebaik-baiknya kaum Muslimin menjalankan dasar permesyuaratan yang sudah tentu tidak sama 100% dengan cara demokrasi Barat atau pun demokrasi Timur dan dengan ini saya telah menunjukkan perbezaan dari kedua itu.